



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

KENDURI 1WILAYAH PERSEKUTUAN PARLIMEN BANDAR TUN RAZAK DISAMBUT MERIAH

KUALA LUMPUR, 11 Februari 2017 – YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan hari ini menyertai 3,000 penduduk Parlimen Bandar Tun Razak menghadiri program Kenduri 1Wilayah Persekutuan yang diadakan di Pangsapuri Penara, Kuala Lumpur hari ini.

Menurut YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif mensejahterakan rakyat khususnya di Wilayah Persekutuan bagi memastikan rakyat mendapat manfaat hasil daripada inisiatif yang dilaksanakan. Antara inisiatif yang dilaksanakan bagi memudahkan penduduk di Parlimen Bandar Tun Razak adalah isu parkir di kawasan LRT yang kurang menyebabkan pengguna LRT terpaksa menggunakan parkir di Medan Selera Sri Permaisuri dan keadaan ini menjasaskan perniagaan di medan selera tersebut.

Bagi mengatasi masalah ini, Kementerian menerusi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan menetapkan kadar bayaran percuma bagi dua (2) jam pertama dan hanya RM1 bagi setiap jam tambahan akan dilaksanakan yang diuruskan oleh Persatuan Penjaja. Di samping itu, Kementerian turut memberikan peruntukan bagi membaik pulih serta menyelenggara gelanggang futsal dan memasang penghawa dingin di dewan komuniti demi keselesaan penduduk dan pengguna kemudahan tersebut.

Penganjuran Program Kenduri 1Wilayah Persekutuan yang merupakan *signature* program sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan dilihat memberi impak yang positif kepada warga Wilayah Persekutuan khususnya dalam jalinan ukhwah dan menyatupadukan pelbagai kaum di parlimen tersebut. Antara aktiviti yang dilaksanakan sepanjang program berlangsung seperti senamrobik, pertandingan mewarna, sukaneka, persembahan pentas, pertandingan futsal, gerai pameran dan cabutan bertuah.

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat

Kementerian Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur

11 Februari 2017